

# Kertas Bil. 7/2017



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT  
KETIGA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
YANG KETIGA BELAS  
PADA 31 OKTOBER, 1 - 4 DAN 7 - 10  
NOVEMBER 2016**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PEJABAT TANAH DAN DAERAH (JP-PADAT) BERHUBUNG STATUS  
TANAH PKNS DAN TANAH DI TAMAN PERMATA DENGKIL DI  
KAWASAN PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH DI  
SELANGOR**

**KERTAS BILANGAN 35/2016**

---

## **1.0 LATAR BELAKANG / RINGKASAN KRONOLOGI PROJEK PERUMAHAN AMPAR TENANG BAGI PEMINDAHAN BEKAS PEKERJA - PEKERJA LADANG PERANG BESAR, MEDINGLY, GALLOWAY DAN SEDGELY DI TAMAN PERMATA DENGKIL**

Program penempatan semula bekas pekerja - pekerja Ladang Perang Besar, Medingly, Galloway dan Sedgely adalah susulan daripada proses pengambilan empat (4) ladang ini bagi pembangunan di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kesan daripada proses pengambilan ini telah mengakibatkan pekerja - pekerja ladang berkaitan ditempatkan ke Pangsapuri Kos Rendah di tanah seluas 10 ekar milik *Setiausaha Kerajaan Selangor (Perbadanan)* - PN 12141 Lot 18979 di Taman Permata, Dengkil oleh Perbadanan Putrajaya.

Pada tahun 1998, Putrajaya Holdings selaku kontraktor kepada Perbadanan Putrajaya telah membuat penyerahan kunci kepada pekerja - pekerja ladang dan seterusnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Perbadanan Putrajaya memaklumkan bahawa walaupun tanah yang diperuntukkan untuk pembinaan pangsapuri kos rendah berkenaan adalah berpaya dan berisiko untuk mengalami pemendapan tetapi dari aspek struktur bangunan dipercayai adalah kukuh dan selamat. Walau bagaimanapun, laporan pemantauan daripada Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) menyatakan sebaliknya.

Memandang serius perkara ini dari aspek keselamatan bekas pekerja - pekerja ladang yang mendiami pangsapuri berkenaan, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil tindakan untuk menjalankan kerja - kerja pembinaan pangsapuri melalui PNSB dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp). Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah Sepang pula diarahkan untuk mengenalpasti tanah yang bersesuaian sebagai tapak penempatan yang baru buat bekas pekerja - pekerja ladang berkaitan.

Setelah rundingan dijalankan, satu (1) persetujuan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- i) Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan tapak seluas lk 30 ekar milik Sime Darby Sdn.Bhd di Ampar Tenang yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk dibangunkan projek perumahan bagi pemindahan bekas pekerja - pekerja ladang berkaitan.
- ii) Kos Pengambilan Tanah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor;
- iii) Kos Pembinaan 400 unit rumah teres kos rendah setingkat ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan;

Selaras dengan persetujuan tersebut, Pejabat Daerah / Tanah Sepang telah diarahkan untuk menjalankan proses pengambilan tanah yang telah selesai pada 19 November 2014. Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor telah memaklumkan kepada Jabatan Perumahan Negara berhubung kebenaran untuk melaksanakan kerja - kerja pembangunan di atas tapak dan memaklumkan status kepada Kerajaan Negeri.

Seterusnya pada 14 Mei 2015, permohonan pemberimilikan tanah tersebut telah dikemukakan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan MMKN 35 / 2015 pada 25 November 2015 telah meluluskan permohonan pemberimilikan tanah kepada PTP dengan dikenakan premium pada harga pampasan berdasarkan Pekeliling PTGS Bil.3/1997. Notis Borang 5 A bagi penjelasan premium dan lain - lain bayaran telah diterima oleh PTP pada 15 Januari 2016 berjumlah RM 12,171,528.00. Tempoh untuk membuat pembayaran adalah enam (6) bulan dari tarikh penerimaan dan akan berakhir di pertengahan bulan Julai 2016. Hakmilik hanya boleh dikeluarkan selepas pembayaran diterima dalam tempoh masa yang diberikan. Sekiranya tempoh masa yang diberikan telah luput, maka kelulusan terdahulu adalah terbatal dan permohonan baru perlu dikemukakan kembali.

Kronologi penuh berhubung perkara ini adalah seperti berikut:

BIL	KRONOLOGI PROJEK PERUMAHAN AMPAR TENANG BAGI PEMINDAHAN BEKAS PEKERJA - PEKERJA LADANG PERANG BESAR, MEDINGLY, GALLOWAY DAN SEDGELY DI TAMAN PERMATA DENGKIL
1.	<p><b>Tarikh: 24 Julai 2013</b></p> <p><b>Cabutan Keputusan MMKN 21/2013</b></p> <p><b>Laporan Setiausaha No.:1/21/2013 : Status Projek Pangaspuri Kos Rendah Rumah Taman Permata, Dengkil, Sepang dari Program Penempatan Semula Bekas Pekerja Ladang di Putrajaya</b></p> <p>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengambil maklum perkara - perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada Jabatan Perumahan Negara bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membuat pengambilan balik tanah dengan syarat kos pembinaan rumah teres ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan;</li><li>Akan penjelasan dari Perbadanan Putrajaya mengenai status Projek Pangaspuri Kos Rendah Rumah Taman Permata, Dengkil, Sepang berhubung pengambilan 4 ladang di Putrajaya untuk pembangunan Putrajaya dan untuk itu diperuntukkan tanah seluas 10 ekar di Dengkil untuk membina penempatan bagi memindahkan pekerja - pekerja</li></ol>

BIL	<b>KRONOLOGI PROJEK PERUMAHAN AMPAR TENANG BAGI PEMINDAHAN BEKAS PEKERJA - PEKERJA LADANG PERANG BESAR, MEDINGLY, GALLOWAY DAN SEDGELY DI TAMAN PERMATA DENGKIL</b>
	<p>ladang terlibat, seperti mana yang telah dijelaskan oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) kepada Kerajaan Negeri pada 27 Jun 2013 lalu melalui Mesyurat EXCO - MTES Bil.19/2013. Penyerahan kunci dari Putrajaya Holdings selaku kontraktor kepada Perbadanan Putrajaya, kepada pekerja ladang telah dilaksanakan pada 19 Ogos 1998 seterusnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Pekerja - pekerja ladang tersebut juga telah diberi sagu hati sebanyak RM 1,500.00 satu keluarga sebagai elauan perpindahan. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih ada pekerja yang tidak menuntut sagu hati tersebut;</p> <p>iii. Peruntukan sebanyak RM 18 juta dari Kerajaan Persekutuan telah diagihkan bagi perkara - perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) RM 15 juta untuk pembinaan pangsapuri kos rendah;</li> <li>b) RM 588,000.00 untuk sagu hati perpindahan;</li> <li>c) RM 56,000.00 untuk tadika;</li> <li>d) RM 500,000.00 sebagai pampasan kepada pemaju bagi kos pembinaan SRJ(T) ke Dengkil; dan</li> <li>e) RM 324,000.00 kos untuk pembinaan kuil.</li> </ul> <p>iv. Perbadanan Putrajaya memaklumkan bahawa dari awal pihaknya telah mengetahui bahawa tanah yang bagi pembinaan pangsapuri kos rendah berkenaan adalah berpaya dan risiko pemendapan akan berlaku. Dari aspek struktur bangunan tersebut dipercayai adalah kukuh dan selamat; dan</p> <p>v. Akan laporan dari pemantau pihak Kumpulan IKRAM untuk tempoh tujuh (7) hari, berlaku mendapan sebanyak 1 mm dalam tempoh satu (1) minggu. Laporan dari juru perunding juga didapati sama. Pihak JKR juga menyatakan bahawa terdapat rasuk (<i>beam</i>) bangunan telah terdedah dan selepas 6 hingga 7 tahun pangsapuri ini siap telah berlaku mendapan. Dari keadaan ini, pihak JKR berpandangan pangsapuri ini tidak selesa untuk diduduki di atas perkara - perkara yang dinyatakan.</p> <p>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri <b>bersetuju</b> dengan perkara - perkara berikut:</p> <p>i. Memandang serius akan keselamatan pangsapuri kos rendah berkenaan untuk didiami oleh penduduk dan bersetuju terhadap tindakan tindakan ke atas <i>servicability</i> bangunan tersebut dengan kadar segera. Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri</p>

BIL	<b>KRONOLOGI PROJEK PERUMAHAN AMPAR TENANG BAGI PEMINDAHAN BEKAS PEKERJA - PEKERJA LADANG PERANG BESAR, MEDINGLY, GALLOWAY DAN SEDGELY DI TAMAN PERMATA DENGKIL</b>
	<p>menjangkakan memerlukan sehingga tiga (3) tahun untuk membina bangunan baru. Tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Persekutuan tindakan pengambilan balik akan disegerakan untuk pembinaan rumah baru. Untuk itu, UPEN dan PTD Sepang diminta untuk mengenal pasti tanah yang bersesuaian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Dalam tempoh tiga (3) tahun sehingga rumah baru disiapkan PNSB diminta membaiki bangunan berkenaan mengikut yang sepatutnya dan bersetuju khemah yang dibina di situ akan dikenalkan; dan</li> <li>iii. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) diminta untuk mengepam air dari kolah yang terbentuk di luar bangunan pangaspuri tersebut bagi mengelakkan sebarang kejadian denggi dan mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya.</li> </ul>
2.	<p><b>Tarikh: 6 September 2013</b></p> <p>Surat daripada Pejabat Daerah / Tanah Sepang kepada UPEN mencadangkan pengambilan tanah seluas 30 - 34 ekar ke atas estet milik Sime Darby Sdn. Bhd. yang terletak di Ampar Tenang - Lot 5375.</p>
3.	<p><b>Tarikh: 9 September 2013</b></p> <p>Email daripada En. Mohd Hasry bin Nor Mohd, Timbalan Pengarah Seksyen Agihan dan Pembangunan kepada Pejabat Daerah Sepang memohon kerjasama untuk menyediakan laporan tanah bagi cadangan tapak gantian Flat Taman Permata, Dengkil di atas sebahagian Lot 5375 milik Sime Darby Sdn.Bhd dengan anggaran keluasan lk 30 ekar. Dimaklumkan juga bahawa Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengemukakan tapak cadangan kepada Jabatan Perumahan Negara dan sekiranya dipersetujui, proses pengambilan akan dimulakan segera oleh pihak Kerajaan Negeri supaya pelaksanaan projek pembangunan 400 unit rumah teres kos rendah satu (1) tingkat dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dalam menyelesaikan isu perpindahan bekas pekerja ladang ini.</p>
4.	<p><b>Tarikh: 11 September 2013</b></p> <p><b>Cabutan MMKN Bil. 27/2013 Pada 11 September 2013:</b></p> <p>Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Pengurus memaklumkan Y.B Dato' Abdul Rahman bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Rancangan Malaysia Hari Ini menyatakan Kerajaan Negeri masih belum menyediakan tapak bagi menyelesaikan penempatan 400 buah keluarga bekas pekerja ladang di Rumah Pangsa Taman Permata, Dengkil. Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri menjelaskan surat kepada Kementerian telah</p>

BIL	<b>KRONOLOGI PROJEK PERUMAHAN AMPAR TENANG BAGI PEMINDAHAN BEKAS PEKERJA - PEKERJA LADANG PERANG BESAR, MEDINGLY, GALLOWAY DAN SEDGELY DI TAMAN PERMATA DENGKIL</b>
	dikemukakan dengan menyatakan persetujuan Kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak perumahan, namun dengan syarat Kementerian perlu bersedia membayai kos perumahan yang bakal dibangunkan. Pejabat Tanah Daerah Sepang telah mengenal pasti tapak seluas 30 ekar di Ampar Tenang dengan kos pengambilan balik tanah dianggarkan RM 11 juta. Lokasi ini terletak 5 km daripada penempatan sedia ada. Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Penggerusi turut mencadangkan agar rumah pangsa yang terjejas dibaikpulih dengan anggaran kos RM 500,000.00 supaya ianya selamat untuk diduduki bagi tempoh 18 hingga 36 bulan sementara menantikan proses pengambilan balik tanah dan pembinaan semula selesai. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju supaya Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) melaksanakan segera kerja - kerja baik pulih rumah pangsa tersebut.
5.	<b>Tarikh: 9 Oktober 2013</b>  Surat Jabatan Perumahan Negara kepada SUK Selangor memohon pelan dan butiran tanah bagi tapak yang dicadangkan.
6.	<b>Tarikh: 17 September 2013 &amp; 23 Oktober 2013</b>  Surat UPEN kepada Jabatan Perumahan Negara mengemukakan perincian dan memaklumkan bahawa sekiranya Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan cadangan tapak serta menanggung kos pembinaan 400 unit rumah teres kos rendah satu (1) tingkat, proses pengambilan akan dimulakan segera.
7.	<b>Tarikh: 16 Januari 2014</b>  Surat Jabatan Perumahan Negara kepada SUK Selangor memaklumkan dalam peringkat penyediaan memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan keputusan kerajaan untuk pembinaan 400 unit rumah teres kos rendah setingkat untuk ditawarkan kepada penghuni - penghuni Flat Taman Permata, Dengkil. JPN mohon maklumbalas / pandangan Kerajaan Negeri berhubung tiga (3) opsyen berikut:  a) Diberikan secara percuma kepada para penduduk sebagai gantian unit rumah yang diduduki sekarang; b) Dijual daripada Kerajaan Persekutuan pada harga subsidi, penentuan subsidi berdasarkan jumlah yang telah dibayar oleh pembeli semasa pembelian unit rumah di Taman Permata. (Harga jualan asal bagi rumah Taman Permata ialah RM 20,000.00 seunit) atau; c) Unit - unit rumah diberi secara percuma. Kos pelaksanaan projek, pengambilan tanah ditanggung secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor

BIL	KRONOLOGI PROJEK PERUMAHAN AMPAR TENANG BAGI PEMINDAHAN BEKAS PEKERJA - PEKERJA LADANG PERANG BESAR, MEDINGLY, GALLOWAY DAN SEDGELY DI TAMAN PERMATA DENGKIL
	pada nisbah 50:50 (Anggaran kos pembinaan dan infra adalah sebanyak RM 48 juta). <i>(Surat maklumbalas daripada SUK kepada JPN berhubung pandangan Kerajaan Negeri Selangor tiada dalam fail PDTS)</i>
8.	<b>Tarikh: 15 April 2014</b> Surat Jabatan Perumahan Negara kepada SUK memaklumkan bersetuju melaksanakan pembinaan 400 unit rumah teres kos rendah setingkat di atas tapak baru yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kos pembinaan projek akan ditanggung sepenuhnya oleh KPKT dan mengambil maklum kos pengambilan tanah tapak yang ditanggung Kerajaan Negeri Selangor. Kementerian memohon pihak Kerajaan Negeri memulakan proses pengambilan tanah.
9.	<b>Tarikh: 23 April 2014</b> Surat PDTS kepada UPEN memohon pengesahan untuk memulakan proses pengambilan tanah.
10.	<b>Tarikh: 5 Jun 2014</b> Surat UPEN kepada PDTS mengesahkan perkara berkaitan.
11.	<b>Tarikh: 9 Jun 2014</b> Kertas Ringkasan buat pewartaan pengambilan tanah dikemukakan untuk kelulusan MB.
12.	<b>Tarikh: 19 November 2014</b> Endorsan Borang K (No. Warta 2460 - 13 Jun 2014) tanah telah menjadi milik Kerajaan Negeri Selangor.
13.	<b>Tarikh: 27 November 2014</b> Surat UPEN kepada Jabatan Perumahan Negara memaklumkan kebenaran untuk melaksanakan kerja - kerja pembangunan di atas tapak dan memaklumkan status kepada Kerajaan Negeri.
14.	<b>Tarikh: 14 Mei 2015</b> Permohonan Pemberimilikan oleh PTP ke atas tapak berkaitan dengan premium dikenakan pada kadar nominal.
15.	<b>Tarikh: 28 Julai 2015</b> Kertas Ringkasan Permohonan Pelupusan Secara Pemberimilikan Tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dikemukakan PDTS ke PTGS untuk diangkat buat kelulusan MMKN.

<b>BIL</b>	<b>KRONOLOGI PROJEK PERUMAHAN AMPAR TENANG BAGI PEMINDAHAN BEKAS PEKERJA - PEKERJA LADANG PERANG BESAR, MEDINGLY, GALLOWAY DAN SEDGELY DI TAMAN PERMATA DENGKIL</b>
<b>16.</b>	<b>Tarikh: 25 November 2015</b> MMKN 35 / 2015 telah menimbang dan meluluskan permohonan pemberimanikan tanah berkaitan kepada PTP dengan dikenakan premium pada harga pampasan berdasarkan Pekeliling PTGS Bil.3/1997
<b>17.</b>	<b>Tarikh: 31 Disember 2015</b> Surat kelulusan dan Notis 5A dikeluarkan pada 31 Disember 2015 dan penerimaan notis 5A oleh PTP pada 15 Januari 2016 berjumlah RM 12,171,528.00.
<b>18.</b>	<b>Tarikh: 4 Februari 2016</b> Surat daripada JKPTG Persekutuan (BHTP) kepada KPKT untuk penjelasan Notis 5A.
<b>19.</b>	<b>Tarikh: 4 Mac 2016</b> Surat daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor agar premium dikenakan pada kadar nominal selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan untuk penyelesaian bersama.
<b>20.</b>	<b>Tarikh: 10 Mac 2016</b> Memorandum Permohonan Pengecualian Premium Pemberimanikan Tanah daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
<b>21.</b>	<b>Tarikh: 23 Mac 2016</b> Kertas Ringkasan yang dikemukakan PDT Sepang untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri bagi Rayuan agar Premium dikenakan pada <b>Kadar Nominal: RM 10 selot</b> ke atas kelulusan pemberimanikan terdahulu diluluskan MMKN Bil.11/2016.
<b>22.</b>	<b>Tarikh: 25 Mac 2016</b> PDT Sepang mengeluarkan surat kelulusan dasar bertarikh 25 Mac 2016 kepada PTP berserta Notis 5A untuk penjelasan premium dan lain-lain bayaran berjumlah RM 844.00.
<b>23.</b>	<b>Tarikh: 28 April 2016</b> PTP telah menjelaskan bayaran premium dan lain-lain bayaran berjumlah RM 844.00 melalui EFT kepada Bendahari Negeri Selangor tetapi resit / bukti pembayaran hanya dikemukakan ke PDT Sepang pada 9 Jun 2016.
<b>24.</b>	<b>Tarikh: 1 Julai 2016</b> PDT Sepang kemudiannya telah mengemukakan dokumen-dokumen kelulusan yang berkaitan merangkumi resit pembayaran selepas penyediaan pelan SPTB bagi urusan Pendaftaran Hakmilik Sementara (QT) ke Pejabat Pendaftar, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS).

BIL	<b>KRONOLOGI PROJEK PERUMAHAN AMPAR TENANG BAGI PEMINDAHAN BEKAS PEKERJA - PEKERJA LADANG PERANG BESAR, MEDINGLY, GALLOWAY DAN SEDGELY DI TAMAN PERMATA DENGKIL</b>
25.	<p><b>18 Julai 2016</b></p> <p>Hakmilik telah didaftarkan dan Notis 5F bertarikh 18 Julai 2016 dikemukakan kepada PTP untuk pengambilan hakmilik. Walau bagaimanapun hakmilik masih belum dituntut sehingga kini.</p>

## 2.0 RUMUSAN

**Hakmilik telah didaftarkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan** bagi membolehkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) menjalankan pembangunan projek perumahan rumah teres setingkat kos rendah sebanyak 400 unit untuk diperuntukkan kepada bekas pekerja - pekerja ladang berkenaan. Setelah isu pemilikan tanah selesai, proses seterusnya adalah dari segi **tempoh masa yang diperlukan bagi pembangunan projek perumahan rumah teres berkaitan siap dengan sepenuhnya untuk diserahkan kepada bekas pekerja - pekerja ladang tersebut.**

## 3.0 MAKLUMAT TAMBAHAN

3.1 Turut dimaklumkan bahawa Jabatan Perumahan Negara, KP KT telah mengadakan dua (2) sesi Makmal Pengurusan Nilai Program Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang yang diadakan kali pertama pada 19 - 21 April 2016 di Resort World, Kijal, Dungun, Terengganu dan Makmal Pengurusan Nilai Kali Kedua yang diadakan pada 8 hingga 10 Jun 2016 di Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan, Makmal telah membuat kesimpulan seperti berikut:

- (a) Pembinaan Projek PPR di Ampar Tenang, Dengkil perlu ditangguhkan dan dikaji semula. Hasil perbincangan makmal mendapati jumlah kos projek yang telah dicadangkan oleh wakil Konsultan adalah berjumlah RM76 juta berbanding RM56 juta siling yang telah ditetapkan Kementerian.
- (b) Sekiranya mengambil kira jumlah RM56 juta, hanya sebanyak 272 unit rumah teres kos rendah sahaja berbanding 400 unit yang dapat dibina dengan kos sebanyak RM190,557.00 seunit.
- (c) Makmal mengesyorkan supaya KP KT menilai semula keberkesanan projek ini bagi memenuhi objektif pembinaannya.

3.2 Setakat ini, keputusan akhir masih belum diketahui selepas berakhirnya Makmal berkenaan. Hasil Makmal berkenaan akan dikemukakan kepada YB Menteri KP KT untuk tindakan selanjutnya.

Pentadbiran ini juga ingin menarik perhatian berkenaan surat daripada pihak Kamar Penasihat Undang - Undang kepada Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) dengan rujukan PU.SEL.LR 0057/07 bertarikh 7 Jun 2016 tentang keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam (PS No: MT 15-7-01/2015) dalam kes tuntutan tambahan bayaran pampasan oleh Tetuan Sime Darby Ampar Tenang Sdn. Bhd -Lwn- Pentadbir Tanah Daerah Sepang berhubung pengambilan tanah seluas 30 ekar ini seperti berikut:


- i. Responden hendaklah membayar pampasan tambahan bagi tanah sebanyak RM 3,399,362.40 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Tiga Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Tiga Ratus Enam Puluh Dua dan Empat Puluh Sen) sahaja kepada Pemohon; Responden hendaklah membayar tuntutan untuk kos meminda dan memasang semula papan tanda sebanyak RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu sahaja) kepada Pemohon;
- ii. Responden hendaklah membayar faedah pada kadar 8% setahun kepada Pemohon ke atas jumlah keseluruhan sebanyak RM3,404,362.40, berkuatkuasa tiga (3) bulan selepas Perintah bermeterai diserahkan ke atas Responden sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- iii. Wang Deposit sebanyak RM3,000.00 dikembalikan kepada Pemohon;
- iv. Fee Pengapit Kerajaan dan Pengapit Swasta sebanyak RM500.00 setiap seorang hendaklah dibayar oleh Pemohon; dan
- v. Tiada Perintah terhadap kos;

**Nota:** Cek UPEN telah diambil pada 23/6/2016 oleh pihak Sime Darby bagi para (i).

TAJUK:

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH  
DAN TANAH

Disahkan Oleh:



Dato' Ahmad Bakri bin Abdul Samad O.P.M.S.  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)  
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 22/3/2017

No. Telefon: 03-5521 2289

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BERKAITAN  
STATUS TANAH PKNS DI KAWASAN PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH DI SELANGOR**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Maklumbalas
35	<b>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)</b> <b>BERHUBUNG STATUS TANAH PKNS DAN TANAH DI TAMAN PERMATA DENGKIL DI KAWASAN PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH DI SELANGOR</b>	<p><b>14.2 Tanah Pembangunan milik PKNS</b></p> <p>a) Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pembayaran yang dijanjikan dilaksanakan mengikut jadual oleh Paksi Gagah dan Lebar Daun bagi mengelakkan kerugian dan kelewatan projek tersebut disiapkan</p>	<p><b>PTD Petaling:</b></p> <p>Tetuan Paksi Gagah dan Tetuan Lebar Daun telah mengemukakan permohonan pembangunan tanah di PTD Petaling dengan menggunakan nama PKNS kerana PKNS adalah pemilik tanah berdaftar ke atas hakmilik yang berkaitan. Berikut adalah ringkasan permohonan yang dikemukakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan Penyerahan Balik Secara Keseluruhan di bawah Seksyen 197 KTN dan Pelupusan Secara Pemberimilikan di bawah Seksyen 76 KTN ke atas 124 hakmilik di Bandar Shah Alam seluas 13.7 ekar bagi tujuan Bangunan Kediaman dan Perniagaan.</li> <li>- Permohonan ini telah diluluskan oleh MMKN pada 04 Februari 2015. Surat Kelulusan dan Borang 5A telah diterima oleh pemohon pada 02 Oktober 2015 dengan jumlah bayaran premium sebanyak RM 2,946,589.00.</li> <li>- Permohonan pelanjutan tempoh bayaran premium telah diluluskan selaras dengan Pekeling PTGS Bil. 1/2016 selama 6 bulan. Walau bagaimanapun, tiada bayaran premium yang diterima oleh PTD Petaling sehingga tamat tempoh bayaran premium tersebut pada 01 Okttober 2016.</li> </ol>

**MAKLUMBALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BERKAITAN  
STATUS TANAH PKNS DI KAWASAN PENTADBIRAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH DI SELANGOR**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Maklumbalas
		<p>2. Permohonan Penyerahan balik dan Pemberimilikan Semula di bawah Seksyen 204B KTN ke atas 1 hakmilik di Mukim Bukit Raja seluas 11.14 ekar bagi tujuan pembinaan Rumah Selangorku.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Permohonan ini telah diluluskan oleh MMKN pada 07 Disember 2016. Surat kelulusan dan Borang 5A telah diterima oleh pemohon pada 17 Februari 2017 dengan jumlah bayaran premium sebanyak RM 7,172,712.00.</li> <li>- Tempoh bayaran premium tersebut akan tamat pada 06 Februari 2018.</li> </ul>	

Disediakan oleh:

**(MOHD. ZAME BIN MISRI)**  
Penolong Pegawai Daerah(Pembangunan Tanah)  
Petaling

Tarikh : 27 Mac 2017

Disemak dan disahkan oleh:

**(DATO' HAJI MOHD HISHRI BIN HAJI IDRIS)**  
D.P.M.S., S.M.S., A.M.N., A.M.S., P.P.T.  
Pegawai Daerah Petaling

Tarikh : 27 Mac 2017